



KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PAPAN TULIS

**Disampaikan Oleh :
Dr. Habibah @ Artini Binti Ramlie**

Pengenalan

1. Penggunaan papan tulis ketika proses pengajaran dan pembelajaran adalah suatu kemahiran mengajar yang sering digunakan di dalam bilik darjah. Ia adalah kemahiran mengajar secara tradisi.
2. Penggunaan papan tulis memerlukan kecekapan guru untuk merancang dan menyusun tulisan, memaparkan nota serta meletakkan gambar rajah di tempat yang sesuai.

Objektif Penggunaan Papan Tulis

1. Menjelaskan sesuatu fakta, konsep atau idea yang abstrak.
2. Menarik perhatian pelajar terhadap perkara-perkara yang penting.
3. Mendemonstrasi langkah-Langkah penyelesaian masalah secara sistematik.

Objektif Penggunaan Papan Tulis

4. Mempelbagaikan aktiviti pengajaran guru selain penggunaan komputer.
5. Mempelbagaikan aktiviti pembelajaran pelajar. Pelajar memperolehi pengalaman menulis di papan tulis.
6. Memberi peluang kepada pelajar (sekolah rendah) meniru huruf daripada papan tulis.

Prinsip Penggunaan Papan Tulis

1. Guru merancang penggunaan papan tulis lebih awal agar sesuai dan menarik perhatian.
2. Guru cuba memahirkan diri dalam kemahiran melukis gambar rajah.
3. Tulisan dan gambar rajah hendaklah jelas dilihat.
4. Kapur warna atau *marker* hendaklah digunakan untuk menggambarkan teknik penonjolan atau penekanan.

Prinsip Penggunaan Papan Tulis

5. Aktiviti penggunaan hendaklah dipelbagaikan selain daripada melukis dan menulis.
6. Pelajar hendaklah dilibatkan dalam penggunaan seperti menulis jawapan, melukis carta atau gambar dan menyelesaikan masalah mengikut arahan guru.
7. Masa penggunaan hendaklah sepadan dengan aktiviti pengajaran kerana penggunaan papan tulis yang berlebihan akan membuat pelajar bosan.

Komponen Kemahiran Penggunaan Papan Tulis

Kejelasan	<ul style="list-style-type: none">• Saiz tulisan yang sesuai• Tulisan kemas dan tepat• Gambarajah jelas dan ringkas
Susunan	<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan ruang untuk tulisan dan rajah sesuai dan seimbang• Susunan dapat dilihat dan teratur
Penonjolan dan penekanan	<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan kapur warna atau <i>marker</i> yang bersesuaian• Penggunaan kapur warna yang menarik
Teknik persembahan	<ul style="list-style-type: none">• Membentuk satu konsep dengan jelas dan tepat• Mempermudahkan konsep atau idea yang susah• Melibatkan pelajar dalam aktiviti pengajaran

Kesan Penggunaan Papan Tulis

1. Pelajar dapat memahami isi pembelajaran dengan lebih jelas dan tepat kerana pelajar mengikuti proses pengajaran secara satu persatu ketika guru memberi penerangan .
2. Pelajar menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran terutama bagi topik-topik yang baru.
3. Pelajar dapat mengikuti perkembangan isi-isi pembelajaran dengan penuh minat.

Kesan Penggunaan Papan Tulis

4. Aktiviti pengajaran guru dapat dipelbagaikan.
5. Pelajar menaruh keyakinan terhadap pengajaran guru.
6. Aktiviti pembelajaran jadi lebih menarik.
7. Konsep, fakta atau idea yang dihuraikan dapat dikekalkan dalam ingatan.

Kesimpulan

Guru yang menguasai kemahiran penggunaan papan tulis dengan baik bukan sahaja memudahkan pelajar memahami pengajaran guru dengan berkesan, bahkan ia juga dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajaran guru sehingga tamat waktu pembelajaran.

Tugasan

1. Guru diminta menghasilkan satu rakaman video yang menunjukkan guru sedang mengajar menggunakan papan tulis. Penglibatan pelajar tidak diwajibkan.
2. Aktiviti pengajaran (termasuk set induksi) hendaklah berlangsung sekurang-kurangnya selama 20 hingga 30 minit.



SEKIAN